



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/09/2012

PERSIDANGAN ANTARABANGSA NASIB ROHINGYA: PENYELESAIAN?



Dr Mahathir bersalam dengan ahli panel selepas menyampaikan ucap terna sempena persidangan mengenai nasib Rohingya, semalam.

(FOTO MUSTAFFA)

Rohingya patut diberi taraf warga negara

» Penyelesaian terbaik krisis etnik: Dr M

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Krisis kemanusiaan di Myanmar akibat penindasan terhadap etnik Rohingya boleh diselesaikan dengan memberi taraf kewarganegaraan kepada mereka.

Cadangan itu dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tindakan menyelesaikan mana-mana pihak, sama ada etnik Rohingya, penganut Buddha atau kerajaan Myanmar tidak akan menyelesaikan masalah etnik itu.

Sebaliknya, beliau berkata, perkara paling utama adalah mencari jalan penyelesaian untuk memberi kewarganegaraan kepada mereka supaya dapat hidup di negara berkenaan.

"Kita mahu melihat mereka hidup tanpa dinafikan hak sebagai warga negara bersama rakan senegara mereka yang ada di sana (Myanmar)," katanya ketika menyampaikan ucap terna pada Persidangan Antarabangsa Nasib Rohingya: Penyelesaian? anjuran Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) di Muzium Ke-

senian Islam Malaysia di sini, semalam.

Kongsi ilmu

Program sehari itu yang menghimpunkan pakar hak asasi manusia dan agama dari seluruh dunia bertujuan berkongsi ilmu dan mencari jalan penyelesaian terhadap nasib menimpa etnik minoriti Rohingya yang menjadi mangsa penindasan.

Turut diadakan sesi sidang pleno menghimpunkan tujuh ahli panel pelbagai negara dipengerusikan bekas Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail.

Ahli panelnya, termasuk Presiden Pertubuhan Kebangsaan Rohingya (ARNO), Nurul Islam; bekas penyelidik Amnesty International, Benjamin Zawacki; wakil Human Rights Watch, Matthew Smith dan pemimpin Pusat Muhammadiyah, Prof Dr Yunahar Ilyas.

Dr Mahathir yang juga Presiden PGPF berkata, isu yang dihadapi Myanmar tidak banyak bezanya dengan Malaysia yang pernah menerima penghijrahan kaum Cina dan India secara besar-besaran menerusi dasar kerajaan British untuk aktiviti ekonomi.